

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, May 28, 2018 11:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bubur Lambuk Sri Sintok Menggamit Nostalgia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2018 / 12 RAMADAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

BUBUR LAMBUK SRI SINTOK MENGGAMIT NOSTALGIA



UUM ONLINE: Warnanya yang putih jernih, bertekstur lembut, resepi istimewa yang diadun bersama rempah ratus, udang segar menyuntik aroma yang membuka selera, tidak hairanlah keenakan Bubur Lambuk Sri Sintok menjadi sebutan ramai.

Pengarah Pusat Islam Prof Madya Dr. Ismail Ishak, berkata sempena Ramadan al-Mubarak, staf UUM dari pelbagai jabatan bergotong-royong menyediakan juadah bubur lambuk untuk edaran di jabatan masing-masing.

Menurutnya, antara jabatan yang terlibat, Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy (TISSA-UUM), Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan (JPP) dan Jabatan Canselori.

“Gotong royong memasak bubur lambuk ini dijalankan bermula jam 8:00 pagi berdasarkan penyertaan dari PTJ UUM dan diketuai pesara UUM, Haji Kassim dibantu staf yang mengambil bahagian.

“Kali ini, bubur lambuk Pusat Islam diagihkan pada setiap hari Khamis jam 1 petang dan edaran terakhir pada 7 Jun ini,” jelasnya.

Tambahnya, tradisi penyediaan bubur lambuk diamalkan sejak lebih 2 dekad lalu secara bergilir-gilir yang masih mengekalkan rasa yang lazat sekali gus menjalin silaturahim di bulan yang mulia.

Ujarnya, khidmat masyarakat ini juga seiring dengan saranan pihak pengurusan universiti supaya warga kampus sentiasa menjalin hubungan yang baik sesama staf dan masyarakat.

Sementara itu, Mohamad Nizwan Awang berkata, Bubur Lambuk Sri Sintok resepi istimewa dari Chef Mokhtar bin Ayob yang juga Imam Masjid Sultan Badlishah UUM sememangnya dinantikan setiap kali Ramadan kerana rasanya yang sedap, lain dari yang lain.

“Bubur lambuk ini memang sedap dan menjadi pembuka selera kami sekeluarga jadi kesempatan yang diberikan untuk memasak beramai-ramai tidak dilepaskan untuk melihat dengan lebih dekat penyediaan bubur istimewa ini,” luahnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.